



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan
Peperiksaan Akhir**

Kod Kursus : SD0305
**Nama Kursus : Sistem Keadilan Jenayah dan Prinsip
Pendakwaan**
Peringkat Kursus : Diploma Tertinggi Kebangsaan
Masa : 3 jam

Arahan:

1. Jawab **empat (4)** soalan sahaja.
2. **Soalan 1** adalah wajib.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (15 Markah) [SOALAN WAJIB]

Dalam perspektif Undang-Undang Islam, pada dasarnya prinsip pendakwaan telah menggariskan beberapa kaedah atau panduan bagi memastikan sesuatu proses pendakwaan itu sah. Dengan merujuk kepada autoriti Syara' dan undang-undang, kes undang-undang, rukun-rukun pendakwaan sila jelaskan dengan terperinci prinsip atau panduan yang dimaksudkan di bawah:

(a) Perbezaan di antara Al-Mudda'ie (Pendakwa) dengan Al-Mudda'a'alaih (orang yang kena dakwa).

(10 Markah)

(b) Perbezaan di antara Syarat Perkara yang didakwa dan Dakwaan.

(5 Markah)

SOALAN 2 (15 Markah)

Firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.

Berdasarkan kepada firman Allah SWT di atas, dengan melihat kepada peranan Mahkamah sebagai sebuah institusi keadilan, pada pandangan anda, bagaimana firman Allah di atas boleh menjadi garis pandu kepada pelaksanaan proses keadilan dalam pendakwaan kes jenayah Syariah dapat dilaksanakan sebaiknya. Berikan Hujjah dan autoriti anda mengenainya.

SOALAN 3 (15 Markah)

(a) Pendakwaan terbahagi kepada empat iaitu dakwaan yang sah, dakwaan yang fasid, dakwaan yang batal dan dakwaan al-hisbah. Sila jelaskan secara terperinci berserta contoh-contoh mengenai tiga daripada perkara berikut:

- i. Dakwaan Fasid (3 Markah)
 - ii. Dakwaan batal (3 Markah)
 - iii. Dakwaan Sohih (3 Markah)
- (b) Sila jelaskan mengenai dengan peranan Peguam Syarie dan juga Pendakwa Syarie berserta dalil dan otoriti syara' dan undang-undang serta kes mengenainya.

SOALAN 4 (15 Markah)

Perlaksanaan Prinsip Pendakwaan Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam juga berteraskan kepada kepentingan Maqasid Syariah. Dengan memberikan dalil, kepentingan, aplikasi serta contoh kes, sila jelaskan beberapa kepentingan di atas dengan melihat kepada prinsip-prinsip di bawah:

- (a) Menjaga kepentingan Nyawa (5 Markah)
- (b) Menjaga kepentingan keturunan/nasab (5 Markah)
- (c) Menjaga Kepentingan harta (5 Markah)

SOALAN 5 (15 Markah)

- (a) Jelaskan secara terperinci, bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan juga Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes jenayah Syariah dengan merujuk kepada kes-kes jenayah Syariah. (10 Markah)
- (b) Jelaskan mengenai dengan fasa-fasa perbicaraan kes jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam berserta aplikasi pemakaiannya. (5 Markah)